

KERTAS 1

1.1 Konsep Kedaulatan

- 1** Apakah takrif kedaulatan dalam bahasa Yunani?
- A** Agung atau tertinggi
B Kuasa pemerintahan sesebuah kerajaan
C Negara mempunyai kuasa penuh terhadap pemerintahan
D Kekuasaan tertinggi terhadap pemerintahan negara

- 2** Apakah tafsiran tamadun bagi tokoh berikut?



Ibnu Khaldun

- A** Asas negara yang merdeka
B Kuasa tertinggi dalam sesebuah negara
C Kuasa tertinggi dalam sistem pemerintahan
D Kekuatan dan kekuasaan sesebuah negara berasaskan semangat kekitaan bangsanya

- 3** Maklumat berikut berkaitan dengan kedaulatan undang-undang.

Badan kehakiman

Apakah peranan badan tersebut?

- A** Melindungi pemerintah
B Melaksanakan pentadbiran
C Mengukuhkan sistem pemerintahan
D Melaksanakan kedaulatan undang-undang

- 4** Maklumat berikut berkaitan dengan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Deklarasi Hubungan Persahabatan PBB 1970

Apakah kesan kepada negara kita setelah menganggotai PBB?

- A** Menstabilkan politik
B Menjamin keadilan negara
C Perkembangan ekonomi negara
D Pengiktirafan sebagai negara bebas dan berdaulat


1.2 Ciri Negara yang Berdaulat

- 5** Setiap negara yang bebas dan merdeka mempunyai ciri tertentu bagi menentukan kedaulatannya.

Antara berikut, yang manakah merupakan ciri negara yang berdaulat?

- I** Mempunyai perundangan
II Mempunyai pemerintahan
III Mempunyai ekonomi yang stabil
IV Mempunyai sistem politik yang kukuh
- A** I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

- 6** Rajah 1 berkaitan dengan Institusi Beraja yang disebut dalam Perlembagaan Persekutuan.




Rajah 1

Apakah X?

- A** Parlimen
B Pelaksana
C Kehakiman
D Majlis Raja-Raja

- 7** Rajah 2 berkaitan dengan penyatuan rakyat.



Rajah 2

Apakah X?

- I** Bahasa kebangsaan
II Rukun Negara
III Lagu negeri
IV Bendera negeri
- A** I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

1.3 Kepentingan Mewujudkan Negara Berdaulat

- 8** Kedaulatan memberikan kebebasan kepada negara untuk menjalankan urusan pentadbiran tanpa campur tangan pihak luar. Bagaimanakah dasar pentadbiran yang dilaksanakan oleh negara kita?
- A** Sistem beraja
B Jemaah Menteri
C Kerajaan Persekutuan
D Demokrasi Berparlimen

1.4 Langkah Mempertahankan Kedaulatan

- 9** Siapakah yang memainkan peranan penting bagi mempertahankan kedaulatan negara kita?

- I Rakyat
 II Pemerintah
 IV Badan Kehakiman
 III Badan Perundangan
- A** I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

- 10** Apakah kesan sekiranya sikap patriotisme dalam kalangan rakyat kepada sesebuah negara semakin pudar?
- A** Masyarakat harmoni
B Mengukuhkan ekonomi negara
C Melahirkan pemimpin yang berwibawa
D Melahirkan rakyat yang tidak taat setia kepada pemerintah